

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 38

## Iklan jawatan kosong meningkat

# Iklan jawatan kosong meningkat

**PETALING JAYA** – Bilangan kekosongan jawatan yang diiklan dalam talian telah melonjak sebanyak 75 peratus berbanding suku tahun sebelumnya dengan mencatatkan sebanyak 204,420 kekosongan pada suku tahun keempat 2022.

Pada suku ini, terdapat 12,256 pertubuhan baharu yang menawarkan kekosongan jawatan diiklan dalam talian berbanding 11,613 pertubuhan pada suku tahun sebelumnya.

Pada masa yang sama, kekosongan jawatan mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 7.3 peratus pada suku keempat 2022 berbanding 143.2 peratus pada suku yang sama tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, kumpulan profesional merupakan komposisi terbesar sebanyak 42.8 peratus dengan merekodkan 87,494 kekosongan.

Selain itu, juruteknik dan profesional bersekutu mencatatkan sumbangan 18.1 peratus, bersamaan 37,066 kekosongan pada suku keempat 2022, manakala pengurus meliputi sumbangan sebanyak 12.5 peratus atau 25,586 kekosongan.



**PENCARI** pekerjaan kini semakin mudah mendapatkan pelbagai maklumat tentang peluang pekerjaan melalui pelbagai platform dan aplikasi di media sosial. – GAMBAR HIASAN

"Dari segi pekerjaan paling popular, profesional pengiklanan dan pemasaran, profesional bersekutu pentadbiran, akauntan dan juruaudit, pengarah urusan dan ketua eksekutif serta pembangun perisian merupakan pekerjaan yang mendapat permintaan tinggi pada suku tersebut," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di

sini semalam. Mohd. Uzir menjelaskan, mengikut sektor ekonomi, segmen perkhidmatan meliputi lebih dua pertiga daripada kekosongan jawatan diiklan dalam talian dengan 160,414 kekosongan atau 78.5 peratus pada suku keempat tahun lalu.

Melihat kepada kekosongan jawatan mengikut aktiviti

ekonomi, segmen perdagangan borong dan runcit mendominasi kekosongan dengan 30.4 peratus atau

62,113 pekerjaan.

Pembuatan merekodkan sejumlah 26,974 kekosongan (13.2%), diikuti oleh penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman sebanyak 17,261 kekosongan (8.4%) serta aktiviti profesional, saintifik dan teknikal dengan 15,252 kekosongan (7.5%).

"Pekerja perlu meningkatkan kemahiran dan menerima latihan semula untuk kekal relevan dalam persekitaran ekonomi semasa yang dinamik.

"Memandangkan majikan sentiasa mencari bakat baharu yang mempunyai kelayakan yang diperlukan untuk pelbagai jawatan dan peranan, adalah penting untuk pencari kerja menyesuaikan diri dengan sebarang situasi agar berjaya memenuhi tugas tersebut," jelasnya.

**MOHD. UZIR**

